

Tamu Gadang ke-16 antara keunikan majlis konvokesyen UMS

NST 21-11-2014 2

KOTA KINABALU: Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-16, yang diadakan sejak 18 Nov lepas sehingga 24 Nov ini antara keunikan majlis konvokesyen UMS.

Ini kerana, UMS adalah satu-satunya institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini yang memperkenalkan dan menganjurkan acara seumpama itu setiap kali majlis konvokesyen berlangsung.

Sepanjang Tamu Gadang, pelbagai acara menarik termasuk pertandingan nyanyian lagu-lagu tempatan Sabah, pertandingan tarian moden dan persembahan selebriti tanah air termasuk Farhan AF, Aliff Satar, Dafi Ismail Sabri, Elizabeth Tan dan Azlan And The Typewriter.

Selain itu acara Strongest Man Challenge, Pocket Bike Race Challenge, Auto Show juga akan diadakan.

Para pengunjung boleh mengunjungi sebanyak 187 buah gerai menjual pelbagai barangan sepanjang acara itu.

Perasmian Tamu Gadang di Padang Kawad UMS, pada malam Rabu dimeriahkan dengan persembahan nyanyian dan muzik orkestra gabungan pelajar UMS dan Kombo RTM, selain persembahan ar-



RASMI ... Tun Haji Juhar memotong reben sebagai gimik perasmian Tamu Gadang.

tis jemputan dan penyanyi rock tanahair.

Majlis itu disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Haji Juhar Haji Mahiruddin.

Turut hadir isteri Tun, Toh Puan Hajah Norlidah Datuk RM Jasni, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Datuk Seri Zaki Tun Azmi dan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Johnson Tee.

Ketika berucap pada majlis itu, Naib Canselor UMS

Prof Datuk Dr.Mohd Harun Abdullah berkata kejayaan menganjurkan Tamu Gadang adalah lambang perpaduan erat dalam kalangan warga universiti itu.

“Kita sememangnya berbangga dengan keunikan yang ditonjolkan melalui penganjuran Tamu Gadang yang mana UMS merupakan satu-satunya IPTA yang memperkenalkan acara seumpama ini di Malaysia.

“Penglibatan pelajar dalam menggerakkan program

dan aktiviti kemahasiswaan adalah salah satu cara mendidik mahasiswa ke arah keseimbangan antara akademik dan bukan akademik seperti keterampilan dan sahsiah diri pelajar berkenaan.

“Kita sentiasa menggalakkan penglibatan para pelajar dalam program seumpama ini kerana ia mampu menambah nilai kepimpinan mereka,” katanya. — **OLEH MARRYAN RAZAN – marrayan@newsabah-times.com.my**